

Wujudkan konsortium untuk bela peniaga bumiputera

KUALA LUMPUR 8 Sept. - Sebuah konsortium perlu diwujudkan segera bagi membela peniaga bumiputera sekaligus membolehkan peniaga berkenaan membeli bekalan daging yang diimport dari luar negara secara pukal dan menjual balik dengan harga berpatutan.

Pensyarah Kanan Sekolah Perniagaan Putra Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr. Ahmed Razman Abdul Latiff berkata, inisiatif penubuhan konsortium berkenaan bertujuan membela nasib peniaga bumiputera yang kekurangan modal dan memberi peluang kepada golongan

Kewujudan 'mematikan' syarikat bumiputera, bebaskan pengguna

Kartel daging import

Oleh SYUKRI SHAARI
pengarang@utusan.com.my

■ KUALALUMPUR 23 OGOS

KEWUJUDAN kartel atau penguasaan oleh kumpulan tertentu dalam aktiviti import daging bukanlah perkara baharu di negara ini sebaliknya telah lama berlaku sehingga menyebabkan penglibatan bumiputera dianaktirikan. Perkara itu diakui sendiri oleh Ketua Aktivis Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PUPIM) Nadi

Jadi, apabila daging dibawa masuk mahal, maka harga dijual kepada pengguna sudah tentu berkali-kali lebih mahal. Ini kes



dan Industri Asas Tani, Datuk S. Tajuddin Abdul Rahman pada Isnin lalu mengakui wujud penguasaan atau kartel oleh tertentu terhadap aktiviti daging sehingga menganakni penglibatan kaum bumiputera. Awang Selamat dalam *Utusan Malaysia* sebelum ini juga pernah membangkitkan persoalan mengenai dakwaan wujudnya kartel dalam industri pengimportan ternakan menyebabkan banyak pihak khususnya pemalibah baru mengeluh kerana tidak dapat p... sepatutnya

KERATAN Utusan Malaysia 24 Ogos 2017.

gan peniaga bumiputera untuk membeli bekalan yang ditawarkan oleh pembekal daging dari luar negara. "Apabila konsortium itu

ditubuhkan, ia boleh menghimpunkan peniaga bumiputera dan mengumpulkan dana untuk membeli bekalan daging import secara

pukal dan menjualnya kembali kepada pengusaha kecil bumiputera supaya dapat menikmati kadar harga yang lebih kompetitif.

"Sebelum ini pernah terjadi ketika industri simen berdepan masalah sama menyebabkan pengusaha dan juga kontraktor bumiputera mengalami masalah sama. Jadi syarikat milik kerajaan (GLC) ambil keputusan beli secara pukal dan menjual kembali kepada pengusaha bumiputera supaya dapat menikmati kadar yang lebih murah," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.